

MALAYSIA

DEWAN NEGARA

ATURAN URUSAN MESYUARAT

NASKHAH SAHIH/BAHASA MALAYSIA

<http://www.parlimen.gov.my>

HARI ISNIN, 3 APRIL 2023, PUKUL 10.00 PAGI

Bil. 9

PERTANYAAN-PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN

1. PN-1521-L08853

Dato' Haji Jefridin bin Haji Atan minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan apakah tindakan yang diambil dalam mengatasi isu pelancong asing 'backpackers' yang menyalahgunakan pas pelancong dengan mengemis bagi menagih simpati untuk menampung perbelanjaan percutian mereka dan nyatakan statistik golongan ini yang telah ditahan dan telah diambil tindakan.

2. PN-1521-L08794

Tuan Sr. Haji Mohd Apandi bin Mohamad minta **MENTERI PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN** menyatakan apakah langkah-langkah Kerajaan dalam memastikan masalah kekurangan bekalan telur dalam pasaran tidak berulang.

3. PN-1521-L08870

Datuk Lim Pay Hen minta **MENTERI PEMBANGUNAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan :-

- (a) statistik jumlah rumah "overhang" dan "sub-sales" mengikut pecahan setiap negeri, tempoh "overhang" dan "sub-sales" apabila rumah ini dibina di negeri seperti Kuala Lumpur, Selangor dan Johor menjangkaui kemampuan rakyat Malaysia serta "overhang" selama lima tahun ke atas; dan
- (b) berapakah jumlah sasaran Kementerian bagi warga asing berserta maklumat negara asal untuk membeli rumah "overhang" dan "sub-sales" di Malaysia.

4. PN-1521-L08403
Datuk Seri Hajah Zurainah binti Musa minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan apakah langkah-langkah yang diambil oleh Kerajaan bagi membenarkan kanak-kanak (yang dilahirkan di luar negara kepada wanita warganegara dan bapa lain kewarganegaraan) untuk layak menerima vaksinasi mandatori dan rawatan kesihatan yang sama seperti yang dinikmati oleh kanak-kanak warganegara. Ini ekoran komitmen Kerajaan untuk meminda Perlembagaan bagi kategori kanak-kanak tersebut.

5. PN-1521-L08457
Dato' Ajis bin Sitin minta **MENTERI KEMAJUAN DESA DAN WILAYAH** menyatakan :-
 - (a) apakah status kemajuan projek Tanaman Semula Komersial Orang Asli (TSKOA) yang dibangunkan oleh RISDA sejak tahun 2000 yang melibatkan 154 kawasan dengan keluasan lebih 21 ribu hektar yang memanfaatkan 9,010 peserta; dan
 - (b) berapa banyak TSKOA yang masih memberikan dividen dan berapakah amaun dividen yang diterima oleh peserta.

6. PN-1521-L08882
Tuan Ak Nan A/L Ehtook minta **MENTERI PERPADUAN NEGARA** menyatakan apakah kemajuan yang telah dicapai bagi program dan aktiviti yang terkandung dalam Dasar Perpaduan Negara dan sejauh manakah dasar ini diguna pakai oleh Kementerian/jabatan lain untuk menangani isu perpaduan seperti diskriminasi dalam pelbagai bidang seperti sukan, perkhidmatan awam dan pendidikan.

7. PN-1521-L08715
Tuan Balasubramaniam a/l Nachiappan minta **MENTERI PERDAGANGAN DALAM NEGERI DAN KOS SARA HIDUP** menyatakan adakah pihak Kerajaan menyediakan insentif atau subsidi bagi peruncit yang mengadakan inisiatif menu rahmah bagi tujuan mengekalkan kelangsungan menu tersebut.

8. PN-1521-L08625
Datuk Dr. Dominic Lau Hoe Chai minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan :-
 - (a) bagaimanakah Kementerian akan menyelia caj yuran PIBG di peringkat sekolah yang kian membebankan pihak ibu bapa; dan

- (b) Kerajaan sebelum ini telah pun memansuhkan setiap bentuk yuran di peringkat sekolah dalam usaha mengurangkan beban kewangan pihak ibu bapa. Malangnya, masih terdapat sekolah yang mewajibkan pelajar memberi 'sumbangan' bagi program sekolah. Adakah Kementerian sedar akan perkara ini, dan bagaimanakah Kementerian memantau keadaan sebegini agar ia tidak menyusahkan para ibu bapa dan penjaga.
9. PN-1521-L08932
Dato' Ahmad bin Dato' Sri Hj Ibrahim minta **MENTERI PERLADANGAN DAN KOMODITI** menyatakan sejauh manakah industri kenaf memelopori pasaran luar memandangkan industri kenaf terus jadi rebutan selepas Kenaf Venture Global menjadi rakan strategik kepada kelab bola sepak Jerman, iaitu VfL Wolfsburg.
10. PN-1521-L08640
Dato' Haji Husain bin Awang minta **MENTERI PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN** menyatakan apakah perancangan Kerajaan bagi menarik lebih ramai generasi muda yang berkelulusan pendidikan tinggi untuk terlibat dalam sektor pertanian dan perhutanan.
11. PN-1521-L08994
Datuk Paul Igai minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan berapakah jumlah hasil kutipan yang diperoleh Suruhanjaya Penerbangan Malaysia (MAVCOM) daripada perkhidmatan penumpang dari tahun 2018 hingga kini dan bagaimanakah hasil kutipan itu digunakan.
12. PN-1521-L08595
Datuk (Dr.) Ras Adiba Mohd Radzi minta **MENTERI SAINS, TEKNOLOGI DAN INOVASI** menyatakan apakah usaha Kementerian bagi merencanakan penglibatan OKU dalam bidang STEM dan jumlah aktiviti pembudayaan sains yang telah dilakukan untuk komuniti OKU serta adakah kerajaan akan menambah baik fungsi Pusat Sains Negara sebagai Pusat STEM Negara yang rasmi setaraf antarabangsa.
13. PN-1521-L08606
Datuk Bobbey Bin Suan minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan apakah inisiatif Kerajaan dalam menangani isu kewarganegaraan kanak-kanak yang dilahirkan oleh pasangan bukan warganegara dan pasangan luar nikah yang dilihat secara tidak langsung akan mengundang pelbagai masalah sosial sekiranya gagal ditangani pada peringkat awal lagi.

14. PN-1521-L08952
Tuan Ir. Md. Nasir bin Hashim minta **MENTERI PERDAGANGAN DALAM NEGERI DAN KOS SARA HIDUP** menyatakan apakah kaedah pengawalan harga bagi bahan-bahan makanan.
15. PN-1521-L08534
Dato' Kesavadas a/l A.Achyuthan Nair minta **MENTERI PERDAGANGAN ANTARABANGSA DAN INDUSTRI** menyatakan apakah pelan persediaan yang sedang dirangka untuk menambah baik imbalan bayaran (balance of payment) pada tahun 2023 dan apakah strategi pemulihan industri yang akan dilaksanakan bagi memacu sektor-sektor perkilangan dan pembuatan tempatan ke arah meningkatkan aktiviti eksport mereka secara progresif.
16. PN-1521-L08682
Dr. Wan Martina binti Wan Yusoff minta **MENTERI EKONOMI** menyatakan apakah pelan tindakan jangka masa pendek dan sederhana Kerajaan untuk merapatkan jurang antara wilayah atau negeri khususnya dalam memajukan wilayah atau negeri yang masih kurang membangun.
17. PN-1521-L08673
Puan Rita Sarimah Anak Patrick Insol minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan adakah Kementerian akan membuat kajian bagaimana untuk memastikan harga tiket penerbangan dari Kuala Lumpur ke bandar-bandar utama di Sarawak berada di paras tidak melebihi RM500 untuk perjalanan ulang-alik bagi kelas ekonomi dan tidak melebihi RM1,000 untuk kelas perniagaan.
18. PN-1521-L08503
Tuan Seruandi bin Saad minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan apakah usaha yang dilakukan oleh Kementerian bagi mengatasi masalah berlakunya kesesakan kemasukan pelancong asing terutamanya dari China yang mengambil masa lebih dua jam di kaunter Imigresen KLIA dan sejauh manakah peranan Pasukan Tindakan Pantas (QRT) Jabatan Imigresen Malaysia dalam menyelesaikan isu ini.
19. PN-1521-L08762
Dato' Arman Azha bin Abu Hanifah minta **MENTERI BELIA DAN SUKAN** menyatakan apakah peranan dan tindakan agresif Kementerian untuk mengatasi masalah mufli dalam kalangan belia yang semakin meningkat kini.

20. PN-1521-L08473

Dato' Dr. Ahmad Azam bin Hamzah minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan apakah nasib graduan pendidikan lepasan UPSI yang masih gagal ditempatkan di sekolah-sekolah berbanding dengan graduan pendidikan lepasan IPG yang terus ditempatkan di sekolah-sekolah dan adakah terdapat inisiatif dan perancangan Kementerian untuk menangani masalah ini.

21. PN-1521-L08443

Dato Dr. Nuing Jeluing minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan :-

(a) keadaan terkini mengenai pekerja asing di negara kita dan berapakah jumlah mereka di negara ini pada masa ini; dan

(b) dari negara manakah mereka datang.

22. PN-1521-L08912

Dato' Dr. Nelson a/l Renganathan minta **MENTERI PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN** menyatakan apakah latihan-latihan terkini dalam bidang pertanian moden (modern farming) yang dianjurkan oleh Kementerian dan adakah inisiatif ini mendapat sambutan yang menggalakkan.

23. PN-1521-L08755

Datuk Noraini Idris minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan pelan tindakan bagi memperbaiki mutu perkhidmatan lapangan-lapangan terbang antarabangsa tempatan khususnya Lapangan Terbang Kota Kinabalu dan bagaimanakah pelan tindakan tersebut boleh memberi kesan positif kepada peningkatan mutu perkhidmatan syarikat-syarikat penerbangan terutamanya dalam aspek ketepatan waktu.

24. PN-1521-L08586

Datuk (Dr.) Ras Adiba Mohd Radzi minta **PERDANA MENTERI** menyatakan apakah komitmen Kerajaan Perpaduan dalam menyelesaikan isu ketidakcapaian dasar pengambilan satu peratus OKU dalam sektor awam sehingga hari ini serta apakah usaha Kerajaan dalam melibatkan GLC bagi menyelesaikan isu pekerjaan berkualiti bagi OKU.

25. PN-1521-L08499

Datuk Wira Koh Nai Kwong minta **MENTERI BELIA DAN SUKAN** menyatakan perancangan Kementerian untuk menguruskan isu belia yang mempunyai hutang atau komitmen yang tinggi serta kadar mufliis yang tinggi dalam kalangan orang muda dan apakah keberkesanannya.

26. PN-1521-L08815
Dato' Juhanis binti Abd Aziz minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan sejauh manakah Kementerian bercadang untuk meneruskan program sarapan percuma di sekolah bagi memastikan pelajar yang tidak berkemampuan mendapat sajian yang berkhasiat pada setiap hari.
27. PN-1521-L08394
Datuk Seri Hajah Zurainah binti Musa minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan status perancangan pelaksanaan "outcome based budgeting" bagi perbelanjaan Kerajaan dan adakah Kementerian akan mereformasi cara Kementerian, jabatan dan agensi Kerajaan membelanjakan kewangan supaya tidak disalahgunakan pada tahun seterusnya jikalau dana yang diperuntukkan tidak digunakan setelah KPI tercapai.
28. PN-1521-L08660
Prof. Tan Sri Datuk Dr. Hj. Mohamed Haniffa bin Hj. Abdullah minta **PERDANA MENTERI** menyatakan apakah usaha Kerajaan untuk menerapkan asas dan budaya baharu berteraskan konsep Malaysia Madani di setiap Kementerian sebagai pemacu dan kemudi untuk mengangkat semula martabat dan kegemilangan negara di persada dunia.
29. PN-1521-L08429
Datuk Razali bin Idris minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan sejauh manakah keberkesanan kamera Automated Enforcement System (AES) dalam menangani masalah kemalangan lebuhraya sejak dikuatkuasakan pada 23 September 2012.
30. PN-1521-L08966
Dato' Sri Vell Paari a/l Tun Samy Vellu minta **MENTERI SUMBER MANUSIA** menyatakan senarai agensi atau organisasi yang diberikan mandat oleh Kementerian serta mekanisme yang digunakan untuk mengkaji dan menilai kredibiliti program latihan dan peningkatan kemahiran yang dilaksanakan oleh Kerajaan.
31. PN-1521-L08702
Tuan Balasubramaniam a/l Nachiappan minta **MENTERI SUMBER ASLI, ALAM SEKITAR DAN PERUBAHAN IKLIM** menyatakan apakah jaminan Kerajaan dalam menyelesaikan isu tebatan banjir dan bencana banjir yang saban tahun melanda di seluruh Malaysia, khususnya di Kelantan, Terengganu, Pahang dan Johor.

32. PN-1521-L08561

Dato' Sri Ti Lian Ker minta **PERDANA MENTERI** menyatakan sejauh manakah sesi libat urus berkaitan pelaksanaan Akta Kebebasan Maklumat dan adakah Kerajaan melihat akta ini sebagai penggantian kepada Akta Rahsia Rasmi atau satu akta baharu yang lebih menjamin rakyat untuk mendapatkan maklumat yang lebih telus.

33. PN-1521-L08737

Datin Ros Suryati binti Alang minta **MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT** menyatakan adakah Malaysia bersedia untuk menghadapi Negara Tua (aged nation) menjelang 2030 dan apakah persediaan dari segi Dasar dan Pelan Tindakan Warga Emas bagi perkara ini serta perancangan untuk wanita.

34. PN-1521-L08835

Tuan Robert Lau Hui Yew minta **MENTERI PERDAGANGAN ANTARABANGSA DAN INDUSTRI** menyatakan berapakah peratusan pelaburan asing ke negara kita yang telah memberi manfaat kepada Sarawak secara langsung dalam tempoh sepuluh tahun yang lepas.

35. PN-1521-L08902

Dato' Dr. Nelson a/l Renganathan minta **MENTERI PENDIDIKAN TINGGI** menyatakan apakah pelan tindakan khusus bagi memastikan kebolehpasaran graduan-graduan tempatan.

36. PN-1521-L08722

Datuk Teo Eng Tee @ Teo Kok Chee minta **PERDANA MENTERI** menyatakan adakah Kerajaan bercadang untuk mengehadkan tempoh memegang jawatan Perdana Menteri kepada dua penggal, iaitu sepuluh tahun dan jika ya, mohon jelaskan rangka implementasinya.

37. PN-1521-L08965

Tuan Jaziri Alkaf Abdillah Suffian minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan apakah langkah-langkah Kementerian dalam meningkatkan pendedahan Sustainable Development Goals (SDG) dalam kalangan para pelajar memandangkan ia boleh memberi impak positif kepada cara pemikiran yang holistik dan global yang menyumbang kepada pembangunan kemahiran abad ke-21 yang amat diperlukan oleh para pelajar pada masa kini.

38. PN-1521-L08537
Datuk John Ambrose minta **MENTERI PEMBANGUNAN USAHAWAN DAN KOPERASI** menyatakan apakah program-program dan inisiatif yang telah disediakan untuk membantu usahawan khususnya di Sabah dan berapakah jumlah peruntukan yang disediakan serta yang telah dibelanjakan oleh Kerajaan.
39. PN-1521-L08922
Dato' Ahmad bin Dato' Sri Hj Ibrahim minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan bilangan kes-kes pencerobohan nelayan asing di perairan Malaysia dan Zon Ekonomi Eksklusif (ZEE) yang direkodkan pada tahun 2022 dan sejauh manakah kerjasama di antara APMM, TLDM, Kastam, Jabatan Laut Malaysia dan Jabatan Perikanan Malaysia dalam menangani isu pencerobohan ini.
40. PN-1521-L08414
Datuk Mohd Hisamudin bin Yahaya minta **PERDANA MENTERI** menyatakan bahawa kita difahamkan masih ramai warga kota Kuala Lumpur dalam golongan B40 yang masih menunggu dalam sistem permohonan untuk menyewa rumah kos rendah daripada DBKL. Apakah usaha-usaha Kerajaan untuk menangani masalah tempoh menunggu yang terlalu lama, dan adakah terdapat rancangan seperti membina rumah-rumah kos rendah bagi membantu golongan B40 ini.
41. PN-1521-L08825
Dato' Juhanis binti Abd Aziz minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan apakah langkah strategik Kementerian dalam menyelesaikan isu kesesakan pesakit akibat daripada kekurangan tenaga kerja dan fasiliti di hospital Kerajaan.
42. PN-1521-L08783
Tan Sri Haji Mohamad Fatmi bin Che Salleh minta **MENTERI PELANCONGAN, SENI DAN BUDAYA** menyatakan berapakah jumlah kekerapan penerbangan atau ketibaan pelancong antarabangsa pasca COVID-19.
43. PN-1521-L08512
Puan Susan Chemerai Anding minta **MENTERI PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN** menyatakan apakah langkah-langkah yang diambil untuk menangani isu pembaziran makanan dalam sektor pertanian di Malaysia.

44. PN-1521-L08557
Dato' Kesavadas a/l A.Achyuthan Nair minta **MENTERI PEMBANGUNAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan apakah pendekatan terbaharu yang sedang dijalankan bagi menangani masalah kemiskinan bandar yang merupakan antara faktor tidak nampak yang mendorong kepada perlakuan jenayah yang melibatkan kegiatan haram seperti peras ugut, berjudi, mencuri dan berlumba motosikal secara haram.
45. PN-1521-L08615
Datuk Bobbey Bin Suan minta **PERDANA MENTERI** menyatakan prestasi deposit simpanan haji Tabung Haji dan sejauh manakah dana simpanan ini dilabur dan diniagakan untuk tempoh kewangan 2022 agar kadar pulangan dividen lebih baik pada tahun akan datang.
46. PN-1521-L08482
Dato' Dr. Ahmad Azam bin Hamzah minta **MENTERI PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN** menyatakan adakah Kerajaan akan terus membantu industri makanan memandangkan tiada tanda-tanda harga makanan ternakan akan turun.
47. PN-1521-L08697
Dr. Wan Martina binti Wan Yusoff minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan adakah Kerajaan berhasrat untuk mewajibkan lulus ujian Bahasa Melayu sebagai syarat utama untuk menjadi warganegara Malaysia.
48. PN-1521-L08650
Dato' Haji Husain bin Awang minta **MENTERI PEMBANGUNAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan apakah pelan jangka masa panjang Kementerian bagi membantu usaha pemodenan dan pembangunan bandar-bandar di negeri-negeri Pantai Timur sehingga kini.
49. PN-1521-L08806
Tuan Sr. Haji Mohd Apandi bin Mohamad minta **MENTERI SUMBER MANUSIA** menyatakan apakah langkah untuk menambah baik pemadanan antara bidang kelulusan graduan dengan jenis pekerjaan yang ditawarkan dalam negara.

50. PN-1521-L08773
Datuk Noraini Idris minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan pelan tindakan yang telah dipersiapkan bagi mengenal pasti hospital awam serta hospital swasta yang masih berdepan dengan masalah kekurangan jururawat yang menjadi antara faktor penyumbang kepada masalah kecelaruan pengendalian pesakit terutamanya di wad kecemasan.
51. PN-1521-L08892
Tuan Ak Nan A/L Ehtook minta **PERDANA MENTERI** menyatakan apakah tindakan yang telah diambil bagi menangani halangan untuk Kerajaan melaksanakan cadangan agar diwujudkan satu jawatan Timbalan Menteri yang bertanggungjawab mengenai agama-agama selain Islam yang dianuti oleh kira-kira 40% rakyat Malaysia.
52. PN-1521-L08553
Dato' Sri Ti Lian Ker minta **MENTERI PEMBANGUNAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan jumlah rumah ibadat bukan Islam yang telah siap diselenggarakan dan dibaik pulih untuk setiap negeri pada tahun 2022 dan apakah terdapat penambahbaikan terhadap proses atau prosedur bagi melancarkan permohonan pihak pengurusan rumah ibadat pada masa akan datang.
53. PN-1521-L08992
Dato' Sri Vell Paari a/l Tun Samy Vellu minta **MENTERI BELIA DAN SUKAN** menyatakan senarai program-program pemerkasaan bakat sukan di peringkat akar umbi dan sejauh manakah program-program ini telah mencungkil bakat tempatan di samping mengurangkan kebergantungan kita kepada bakat sukan yang diimport.
54. PN-1521-L08849
Tuan Robert Lau Hui Yew minta **MENTERI PERPADUAN NEGARA** menyatakan apakah langkah-langkah yang diambil oleh Kerajaan dalam usaha bukan sahaja memupuk perpaduan negara, tetapi menangani ekstremisme yang nampak semakin serius dari segi agama dan kaum.

ATURAN URUSAN MESYUARAT DAN USUL-USUL

1. (D.R. 2/2023) Rang Undang-undang Perbekalan 2023 – **Menyambung semula Perbahasan atas masalah “Bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang”.**

(30 Mac 2023)

[Menteri Kewangan]

2. *(D.R. 13/2023) Rang Undang-undang Kesalahan-Kesalahan Seksual Terhadap Kanak-Kanak (Pindaan) 2023 **Bacaan Kali Yang Kedua**

[Perdana Menteri]

3. *(D.R. 14/2023) Rang Undang-undang Keterangan Saksi Kanak-Kanak (Pindaan) 2023 **Bacaan Kali Yang Kedua**

[Perdana Menteri]

4. *(D.R. 5/2023) Rang Undang-undang Kanun Keseksaan (Pindaan) 2023 **Bacaan Kali Yang Kedua**

[Perdana Menteri]

5. *(D.R. 6/2023) Rang Undang-undang Kanun Tatacara Jenayah (Pindaan) 2023 **Bacaan Kali Yang Kedua**

[Perdana Menteri]

6. *(D.R. 12/2023) Rang Undang-undang Perbekalan Tambahan (2022) 2023 **Bacaan Kali Yang Kedua**

[Menteri Kewangan]

7. *(D.R. 4/2023) Rang Undang-undang Kewangan 2023 **Bacaan Kali Yang Kedua**

[Menteri Kewangan]

8. *(D.R. 3/2023) Rang Undang-undang Levi Keuntungan Luar Biasa (Pengesahan) 2023 **Bacaan Kali Yang Kedua**

[Menteri Kewangan]

9. *(D.R. 7/2023) Rang Undang-undang Pemansuhan Hukuman Mati Mandatori 2023 **Bacaan Kali Yang Kedua**

[Perdana Menteri]

10. *(D.R. 8/2023) Rang Undang-undang Semakan Hukuman Mati dan Pemenjaraan Sepanjang Hayat (Bidang Kuasa Sementara Mahkamah Persekutuan) 2023 **Bacaan Kali Yang Kedua**

[Perdana Menteri]

11. *(D.R. 9/2023) Rang Undang-undang Pengangkutan Jalan (Pindaan) 2023 **Bacaan Kali Yang Kedua**

[Menteri Pengangkutan]

12. *(D.R. 10/2023) Rang Undang-undang Pengangkutan Awam Darat (Pindaan) 2023 **Bacaan Kali Yang Kedua**

[Menteri Pengangkutan]

13. *(D.R. 11/2023) Rang Undang-undang Lembaga Pelesenan Kenderaan Perdagangan (Pindaan) 2023 **Bacaan Kali Yang Kedua**

[Menteri Pengangkutan]

14. *(D.R. 1/2023) Rang Undang-undang Pencetakan Teks Al-Qu'ran (Pindaan) 2023 **Bacaan Kali Yang Kedua**

[Menteri Dalam Negeri]

* Menandakan bahawa Rang Undang-undang ini akan dipertimbangkan pada semua Peringkat oleh Dewan Negara tertakluk kepada Rang Undang-undang tersebut diserahkan oleh Dewan Rakyat.

**RISALAT-RISALAT YANG DIBAWA KE DALAM MESYUARAT
(DEWAN NEGARA)**

<u>TAHUN</u> <u>2022</u>	<u>RISALAT/DOKUMEN</u>	<u>TARIKH</u> <u>DIBENTANGKAN</u>
ST 124	Laporan Tahunan dan Penyata Kewangan Lembaga Kenaf dan Tembakau Negara (LKTN) Bagi Tahun 2020	3 April 2023
<u>TAHUN</u> <u>2023</u>	<u>RISALAT/DOKUMEN</u>	<u>TARIKH</u> <u>DIBENTANGKAN</u>
ST 19	Laporan Tahunan Dan Penyata Kewangan Institut Sukan Negara (ISN) Bagi Tahun 2020	3 April 2023
ST 20	Laporan Tahunan Dan Penyata Kewangan Perbadanan Padang Golf Subang (PPGS) Bagi Tahun 2020	3 April 2023
ST 21	Laporan Tahunan Dan Penyata Kewangan Institut Penyelidikan Pembangunan Belia Malaysia (IYRES) Bagi Tahun 2020	3 April 2023
ST 40	Laporan Tahunan dan Penyata Kewangan Majlis Peperiksaan Malaysia Bagi Tahun 2021	3 April 2023
ST 42	Laporan Tahunan dan Penyata Kewangan Lembaga Arkitek Malaysia (LAM) Bagi Tahun 2021	3 April 2023
ST 52	Laporan Tahunan dan Penyata Kewangan Dewan Bahasa dan Pustaka Tahun 2021 (Telah Diaudit)	3 April 2023
ST 63	Laporan Tahunan dan Penyata Kewangan Universiti Malaya Bagi Tahun 2021 (Telah Diaudit)	3 April 2023
ST 68	Laporan Tahunan dan Penyata Kewangan Lembaga Perindustrian Kayu Malaysia (MTIB) Bagi Tahun 2021	3 April 2023

<u>TAHUN</u> <u>2023</u>	<u>RISALAT/DOKUMEN</u>	<u>TARIKH</u> <u>DIBENTANGKAN</u>
ST 69	Laporan Tahunan dan Penyata Kewangan Lembaga Kenaf dan Tembakau Negara (LKTN) Bagi Tahun 2021	3 April 2023
ST 72	Laporan Tahunan dan Penyata Kewangan Yayasan Guru Tun Hussein Onn Bagi Tahun 2021 (Telah Diaudit)	3 April 2023
ST 73	Laporan Tahunan dan Penyata Kewangan Lembaga Tabung Angkatan Tentera (LTAT) Bagi Tahun 2020	3 April 2023
ST 76	Laporan Tahunan dan Penyata Kewangan Universiti Teknikal Malaysia Melaka Bagi Tahun 2021 (Telah Diaudit)	3 April 2023
ST 77	Laporan Tahunan dan Penyata Kewangan Universiti Teknologi Malaysia (UTM) Bagi Tahun 2021	3 April 2023
ST 80	Laporan Tahunan dan Penyata Kewangan Lembaga Pelabuhan Kelang dan Lembaga Pelabuhan Melaka Bagi Tahun 2021 (Telah Diaudit)	3 April 2023
ST 81	Laporan Tahunan dan Penyata Kewangan Lembaga Pelabuhan Johor Bagi Tahun 2021 (Telah Diaudit)	3 April 2023
ST 84	Laporan Tahunan dan Penyata Kewangan Perbadanan Perwira Niaga Malaysia (PERNAMA) Bagi Tahun 2020	3 April 2023
ST 85	Laporan Tahunan dan Penyata Kewangan Perbadanan Hal Ehwal Bekas Angkatan Tentera (PERHEBAT) Bagi Tahun 2020	3 April 2023
ST 86	Laporan Tahunan dan Penyata Kewangan Perbadanan Perwira Harta Malaysia (PPHM) Bagi Tahun 2020	3 April 2023